

'Keldai akaun' meningkat

Harian metro 18/7/2022 (Page 5)

Melaka: Sindiket penipuan membabitkan penggunaan 'keldai akaun' atau akaun tumpang di Melaka mencatatkan peningkatan sebanyak 13.09 peratus kepada 501 kes dengan kerugian sebanyak RM12.3 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini berbanding 443 kes membabitkan kerugian RM10.3 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Ketua Polis Melaka, Datuk Zainol Samah berkata, sindiket penipuan berkenaan membabitkan tujuh modus operandi (MO) iaitu *African Scam* dengan jumlah kes sebanyak (30 kes), *Macau Scam* (157 kes), pinjaman tidak wujud (98 kes), belian dalam talian (115 kes), tawaran kerja tidak wujud (118 kes), menyamar rakan pinjaman wang (33 kes) dan pe-

laburan (107 kes).
"Antara punca berlakunya peningkatan kes keldai akaun ialah kurangnya pendedahan terhadap jenayah membabitkan transaksi kewangan dan desakan hidup yang menyebabkan pemilik akaun sanggup membiarkan akaun mereka digunakan sindiket penipuan semata-mata untuk mendapatkan komisen atau bayaran.

"Berdasarkan peningkatan kes semasa ini, Polis Melaka akan terus mempergiatkan program turun padang untuk memberi penerangan dan maklumat jelas berkaitan MO penipuan berkenaan termasuk keldai akaun yang dilihat agak serius," katanya selepas Program Walkabout Polis Melaka Bangunan Stadthuys di sini.